

EDUCATION CHALLENGES THROUGHOUT THE COVID-19 PANDEMIC: ADAPTATION OF THE TALAQQI CONCEPT IN ISLAMIC STUDIES VIA ONLINE

CABARAN PENDIDIKAN SEPANJANG PANDEMIK COVID-19: ADAPTASI KONSEP TALAQQI DALAM PENGAJIAN ISLAM MELALUI DALAM TALIAN

Nurul Badriyah Aliⁱ, Mohamad Zaki Razalyⁱⁱ, Mahasin Saja @ Mearajⁱⁱⁱ & Nazrudin Hashim^{iv}

ⁱ (*Corresponding author*). Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Johor, Kampus Segamat, 85000, Segamat, Johor. nurulbadriyah@uitm.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Johor. moham64@uitm.edu.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Johor. mahas220@uitm.edu.my

^{iv} Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Johor. nazrudin@uitm.edu.my

Abstract	<p><i>The spread of COVID-19 has affected the world from various aspects of life, including economic, political, social, health, and education. The learning pattern has undergone a drastic change due to the adaptation of teachers and students in fulfilling their online teaching and learning activities. Several issues arise regarding its effectiveness, acceptance, readiness and self-regulation of students, and teacher supervision throughout the session. "Talaqqi", as a basic Islamic concept of teaching and learning might not be traditionally implemented during this pandemic period. Thus, objectives of this study are to discuss the adaptation of talaqqi concept during the Covid-19 pandemic throughout online learning platform. This qualitative study used descriptive analysis methodology to understand the principal and elements of talaqqi and adapt the values in the online learning session. This study found that the effectiveness of this adaptation concept depends on the creativity of teachers and the readiness of students in engaging with virtual learning activities. Clear objectives and high awareness of self-responsibility among teachers and students will pave the way to successfully talaqqi via online learning. There are several metode in talaqqi concept may be adapted in online learning such as: Al-Talqin, Al-Ardh, Al-Sama', Al-Mukatabah, Al-Tajribah dan Al-Tikrar. These methods are still well-functioning, with some re-arrangements to adapt to the online learning session.</i></p> <p>Keywords: <i>Education, Talaqqi, COVID-19, Online, Learning.</i></p>
Abstrak	<p><i>Penularan pandemik COVID-19 telah memberi impak besar kepada semua aspek kehidupan manusia antaranya ekonomi, politik, sosial, kesihatan dan pendidikan. Secara drastik, berlaku perubahan kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam semua peringkat bermula daripada pra-sekolah sehingga universiti. Beberapa isu menjadi perbincangan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran yang berlangsung secara dalam talian seperti keberkesanan, kesediaan pengajar dan pelajar serta keterbatasan ruang dan peralatan bagi kedua-dua pihak. Dalam Pendidikan Islam, pembelajaran bersemuka ataupun dikenali dengan konsep talaqqi adalah kaedah paling berkesan dalam sesi</i></p>

	<p><i>pengajaran dan pembelajaran. Namun, kaedah ini tidak dapat lagi dilaksanakan secara tradisi asalnya ketika pembelajaran berlangsung dalam talian. Maka, objektif kajian ini meneliti prinsip asas talaqqi yang digunakan bagi disesuaikan nilainya dalam pembelajaran maya. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan metodologi analisis deskriptif bagi meneliti konsep talaqqi serta kemampuan pelaksanaannya melalui sesi pengajaran dan pembelajaran dalam talian. Kajian mendapati bahawa konsep talaqqi dapat dilaksanakan melalui adaptasi prinsip, nilai dan elemennya dalam pembelajaran dalam talian. Proses adaptasi ini memerlukan kreativiti pendidik dan kesediaan pelajar untuk melaksanakannya. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat beberapa metode dalam konsep talaqqi dapat diadaptasi secara maya antaranya al-Talqin, al-Ardh, al-Sama', al-Mukatabah, al-Tajribah dan al-Tikrar. Kesemua metode ini mampu dijalankan dengan sedikit pengubahsuaian tetapi masih mengekalkan nilai asasnya bagi memastikan keberkesanan konsep talaqqi walaupun pembelajaran berlangsung dalam talian.</i></p> <p>Kata kunci: Pendidikan, Talaqqi, COVID-19, Pembelajaran, Dalam Talian.</p>
--	---

PENDAHULUAN

Penggunaan teknologi terkini sebagai wasilah kepada komunikasi, perkongsian kesedaran, pendidikan dan perhubungan awam telah sebatu dalam masyarakat hari ini. Menurut tinjauan yang dilakukan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, peratusan pengguna Internet pada tahun 2020 mencapai 88.7%, dengan peningkatan 1.3% daripada 87.4% pada 2018 (MCMC, 2020). Hal ini menunjukkan penggunaan internet telah menjadi kebiasaan kepada kebanyakan masyarakat di negara ini.

Pembelajaran secara maya pula telah diperkenalkan secara perlahan-lahan dalam kalangan pendidik dan murid di Malaysia. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengorak langkah dalam mendepani cabaran pendidikan maya dengan memperkenalkan Pelan Transformasi ICT KPM dengan menyediakan garis panduan, strategi dan inisiatif pelaksanaan operasi berasaskan penggunaan teknologi bagi tempoh lima (5) tahun bermula 2019 hingga 2023 (Pelan Transformasi ICT KPM 2019-2023). Hal ini secara tidak langsung telah mendedahkan para pendidik dan pelajar kepada sesi pembelajaran secara maya.

Pengajaran subjek Pendidikan Islam di sekolah misalnya telah menggunakan teknologi seperti penggunaan Kod Tindak Balas Cepat atau *Quick Response (QR)* dan Realiti Berperanta atau *Augmented Reality (AR)* dalam memperincikan maklumat yang terkandung dalam buku teks (Buku teks Pendidikan Islam Tahun 3, 4 dan 5, 2018, 2019, 2020). Penggunaan kod-kod tersebut mengoptimalkan penggunaan internet dalam mengendalikan sesi pembelajaran yang lebih menarik kerana melibatkan video, audio dan laman web interaktif.

Pengenalan kepada penggunaan ICT sebagai medium pendidikan secara beransur-ansur ini telah berubah hala tuju apabila keseluruhan sistem pendidikan negara terpaksa berhadapan cabaran yang tidak pernah diduga sebelum ini berikutan pandemik COVID-19 yang membawa seluruh masyarakat dunia kepada kebiasaan baharu ataupun dikenali sebagai Norma Baharu. Malaysia juga turut berhadapan dengan senario pembelajaran dalam talian ekoran daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah diisytiharkan bermula 18 Mac 2020 bagi mengekang penularan virus berbahaya ini dalam komuniti (Kenyataan Media: Majlis Keselamatan Negara, 2020).

Berikutan perintah ini, statistik telah menunjukkan penurunan kes yang menyebabkan kerajaan melonggarkan syarat dan memperkenalkan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Sesi pembelajaran bersemuka dijalankan semula dan sekolah beroperasi dengan mematuhi Prosedur Operasi yang ditetapkan. Namun, peningkatan semula kes secara mendadak telah memaksa kerajaan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan buat kali kedua

(PKP 2.0) sekaligus menghentikan operasi pelbagai sektor dengan serta merta (Kenyataan Rasmi Majlis Keselamatan Negara, 19 Januari 2021).

Semua arahan perintah kawalan yang mengalami perubahan dari masa ke semasa ini telah menyebabkan halangan kepada aktiviti sosial termasuk sesi pembelajaran di sekolah. Sesi persekolahan secara bersemuka bagi seluruh negara yang sepatutnya bermula pada 20 Januari 2021 telah digantikan dengan Pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian bagi seluruh negara. (Kenyataan Rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia, 16 Januari 2021). Walaubagaimanapun, aktiviti pengajaran tetap perlu diteruskan dalam situasi pandemik Covid-19 ini. Pembangunan akademik pelajar tidak boleh dikesampingkan, bahkan guru dan pelajar perlu berganding bahu untuk memastikan pembelajaran berterusan walaupun dalam keadaan serba kekurangan.

Namun, keberkesanan dan cabaran pelaksanaannya melalui platform dalam talian adalah sesuatu yang tidak mudah untuk direalisasikan. Kementerian Pendidikan Malaysia melalui kajian yang membabitkan 670,188 orang responden daripada kalangan ibu bapa dan 893,331 orang pelajar mendapati 36.9 peratus tidak mempunyai peranti seperti komputer, tablet atau telefon pintar untuk mengikuti pembelajaran secara dalam talian (Harian Metro, 2021). Jurang digital ini terus melebar disebabkan oleh keterbatasan akses internet terutamanya di kawasan pedalaman (Astro Awani, 2020). Selain itu, keberkesanan penyampaian melalui dalam talian juga bergantung kepada sejauh mana guru dapat beradaptasi daripada penyampaian secara konvensional dan bersemuka kepada penggunaan teknologi ICT.

Banyak kajian menunjukkan bahawa Pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian memerlukan pedagogi yang berbeza dan kemahiran tertentu berbanding metode secara bersemuka (E.C. Boling et al., 2012). Sebahagian warga pendidik yang tidak mahir dalam penggunaan teknologi ICT menghadapi masalah dalam penyampaian ilmu dan penyediaan material pembelajaran secara dalam talian (M Samir et al., 2014 & Evrim Baran et al., 2011). Kelemahan ini antaranya berpunca daripada kurangnya pendedahan, latihan atau kursus kemahiran berkaitan teknologi ICT kepada warga pendidik serta keterbatasan waktu yang diberikan kepada mereka untuk menyediakan material pembelajaran di dalam talian (Jared Keengwe & Terry T. Kidd, 2010). Kelemahan dalam pengajaran secara dalam talian juga akan menjejaskan kefahaman pelajar terhadap apa yang mereka pelajari (Jyoti Bawane & J Michael Spector, 2009).

Selain itu, penilaian prestasi pelajar juga adalah antara isu yang perlu kepada penambahbaikan dalam pelaksanaan pembelajaran secara dalam talian. Penilaian pelajar yang kurang sistematik dan komprehensif akan menyebabkan pengukuran prestasi pelajar tidak dapat mencapai objektif bagi sesuatu program atau kursus yang diambil (J.W. Gikandi, 2011). Lebih-lebih lagi, kejayaan pembelajaran secara dalam talian juga bergantung kepada tahap disiplin pelajar untuk memberi komitmen yang sepenuhnya terhadap semua tugas yang diberikan oleh guru. Jika pelajar tidak dapat memberikan komitmen yang sewajarnya, ditambah pula tiada pemantauan dari ibu bapa, maka prestasi pelajar sukar untuk mencapai tahap yang dikehendaki (Yu Chun Kuo et al., 2014 & J. Broadbent et al., 2015). Beberapa kajian pula mendapati pelaksanaan pengajaran secara dalam talian menyebabkan implikasi negatif kepada pelajar seperti sifat keterasingan dan gangguan psikologi yang berpunca daripada kurangnya interaksi bersama guru dan rakan-rakan (Jered Borup et al., 2012). Penggunaan gajet juga mampu memberi kesan jangka masa panjang kepada kesihatan terutamanya kanak-kanak (Hairol Kamal Ab. Rahman, 2017) dan pengasingan diri yang boleh menjejaskan disiplin pelajar (Wei Bao, 2020) sehingga membawa kepada kegagalan menguruskan masa disebabkan tiada jadual khas untuk sesi pelajaran.

Melihat secara terperinci, kaedah pengajaran secara dalam talian yang diaplikasikan sejak PKP tahun lalu secara zahirnya telah menghalang pelaksanaan *talaqqi* sebagai konsep pembelajaran asas dalam Islam dengan rukun dan elemennya. Antara syarat melaksanakan konsep *talaqqi* dalam Islam seperti keberadaan guru dan murid secara bersemuka tanpa perantaraan lain, keperluan murid mendengar bacaan guru secara langsung, mengulang dan membaca semula di hadapan guru untuk dipastikan

kebenaran sesuatu ilmu yang diterima (Syuhaida Idha Abd Rahim, 2015). Penekanan syarat-syarat yang dibentangkan ini demi memastikan sesi pembelajaran berlangsung tanpa sebarang kekangan, memandangkan pendidikan Islam bukan sahaja melibatkan teori tetapi mendorong kepada pembentukan sahsiah, roh dan akhlak yang sempurna (Saifullah Idris & Tabrani, 2017).

Justeru, objektif kajian ini adalah: Pertama, untuk meneliti konsep *talaqqi* melalui elemen-elemen dan jenis penyampaiannya untuk disesuaikan dalam sesi pembelajaran secara maya. Kedua, Untuk menganalisis elemen kaedah tradisi dalam pembelajaran ilmu pengetahuan Islam yang dapat diselarikan dengan cabaran pendidikan semasa. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan metode deskriptif analisis melalui sumber asal pengajian Islam iaitu al-Quran dan hadith, buku-buku, jurnal ilmiah serta artikel akhbar. Hasil kajian ini menjelaskan bahawa kaedah penyampaian pengajaran dan pembelajaran dalam Islam adalah sesuai dengan tasawur Islam yang *syumul* iaitu mencakupi keseluruhan aspek kehidupan sehingga hari kiamat. Implikasinya, konsep *talaqqi* sebagai pedagogi pendidikan dilihat lebih praktikal dan sesuai dengan peredaran zaman.

KONSEP TALAQQI SEBAGAI KAEDAH TRADISI DALAM PENDIDIKAN ISLAM

Al-Quran dan Sunnah merupakan sumber ilmu utama bagi umat Islam dalam segenap aspek kehidupan manusia seperti akidah, syariah mahupun akhlak. Sirah menunjukkan pentingnya penuntut ilmu untuk berdamping dengan ulamak bagi memastikan ketulenan dan kualiti ilmu terpelihara. Luqman al-Hakim telah menasihati anaknya supaya sentiasa duduk dalam kalangan ahli ilmu, lantas Allah SWT akan menyinari hatinya dengan cahaya ilmu seperti Allah SWT menyinari tanah yang gersang dengan limpahan hujan dari langit (Malik, 1997). Metode penyampaian ilmu adalah pelbagai, antaranya adalah secara *talaqqi* yang jelas dapat dilihat daripada praktik Nabi Muhammad SAW dan para salafus soleh.

Talaqqi bermaksud perjumpaan antara murid dengan guru secara bersemuka untuk menerima ilmu (Ashraf Ismail et al., 2019). Proses ini mengandungi tiga (3) rukun iaitu pelajar, guru dan ilmu (Nurul Huda Zainal Abidin et.al., 2019). Kaedah *Talaqqi* telah banyak dipengaruhi oleh kajian Islam berdasarkan peristiwa sejarah Nabi Muhammad SAW ketika menerima wahyu pertama baginda. Pendekatan *talaqqi* pertama kali diperkenalkan melalui interaksi bersemuka dengan Jibril ketika mengajar Nabi Muhammad SAW untuk membaca ayat Al-Quran yang pertama, Al-Alaq (Muhd Khaizer Omar et al., 2019).

Asas kepada *talaqqi* juga dapat dilihat melalui hadith riwayat Muslim berkenaan peristiwa Malaikat Jibril ketika mengajarkan hakikat Islam, Iman dan Ihsan kepada Nabi Muhammad SAW dan para sahabat baginda. Jibril datang menyerupai seorang lelaki duduk berhadapan dengan Nabi Muhammad SAW sambil menyandarkan lututnya ke lutut baginda, serta meletakkan kedua tapak tangannya di atas paha baginda. Metode soal-jawab antara Jibril dan Nabi Muhammad SAW merupakan salah satu metode penyampaian ilmu yang terbukti keberkesanannya hatta dalam konteks pembelajaran moden pada hari ini. Hadith ini juga menunjukkan sikap ahli ilmu untuk *tawaquf* (berhenti) daripada menjawab soalan yang tidak diketahuinya ataupun tidak dapat dipastikan kebenarannya (Muslim, 2001).

Melalui *talaqqi* juga, penuntut ilmu mempunyai ruang yang luas untuk bertanya kepada guru bagi memastikan ilmu yang disampaikan itu dapat difahami dengan jelas dan benar. Ibnu Abi Mulaikah meriwayatkan bahawa Saidatina Aisyah RA apabila mendengar sesuatu yang beliau tidak jelas dan faham, beliau akan kembali bertanya sehingga beliau faham sepenuhnya akan hal tersebut (al-'Asqalaniyy, 2000). Nabi Muhammad SAW apabila menyebutkan tentang sesuatu perkara yang penting, maka baginda akan mengulang ia sebanyak tiga kali agar perkara tersebut dapat difahami oleh orang yang mendengar (al-'Asqalaniyy, 2000). Konsep pengulangan (*tikrar*) dalam pengajaran dan penyampaian ilmu juga disebutkan oleh Ibnu Khaldun yang menyatakan bahawa guru disarankan untuk

mengulang sehingga tiga kali agar menambahkan kefahaman pelajar terhadap ilmu yang dipelajari (Ibnu Khaldun, 1958).

Nabi Muhammad SAW juga sebagai guru pernah menggunakan pendekatan bertanya soalan kepada para sahabat untuk menguji ilmu mereka. Ibnu Umar meriwayatkan bahawa Nabi Muhammad SAW pernah melontarkan soalan kepada para sahabat berkenaan pohon yang boleh digambarkan seperti seorang Muslim. Ibnu Umar ingin menjawab dan menyatakan bahawa pohon tersebut adalah pohon kurma tetapi didiamkan sahaja jawapan itu kerana menyedari bahawa beliau adalah sahabat yang paling muda dalam kumpulan itu. Setelah melihat tiada jawapan yang diberikan, maka Nabi Muhammad SAW memberi jawapannya iaitu pohon kurma (al-'Asqalaniyy, 2000). Hal ini menjelaskan bahawa metode ujian yang digunakan oleh Nabi Muhammad SAW ini bertujuan menilai kefahaman pelajar serta memastikan keberkesanan penyampaian ilmu yang disampaikan. Justeru, metode ini wajar dilaksanakan oleh guru dalam sesi pengajaran yang berkesan.

Guru juga perlu menggunakan pendekatan yang pelbagai untuk memastikan suasana pembelajaran dapat berlangsung dengan baik. Ibnu Mas'ud meriwayatkan bahawa Nabi Muhammad SAW telah memilih hari dan waktu tertentu untuk menyampaikan peringatan dan ilmu. Kaedah ini digunakan supaya para sahabat tidak bosan dengan sesi pelajaran setiap hari bahkan mereka sentiasa tertunggu-tunggu penyampaian Nabi Muhammad SAW (al-'Asqalaniyy, 2000). Disebabkan itu juga, apabila Ibnu Mas'ud diminta untuk mengajar pada setiap hari berbanding hanya hari Khamis sahaja seperti yang dilakukan oleh beliau sebelum itu, beliau menyatakan beliau mencontohi Nabi Muhammad SAW (al-'Asqalaniyy, 2000).

Pemeliharaan ilmu pada zaman Nabi Muhammad SAW dan salafus soleh adalah melalui penulisan dan hafalan. Sabda Nabi Muhammad SAW kepada Amru al-'As: "*Tulislah, demi nyawaku ditanganNYA, tidaklah keluar daripadanya (sambil menunjukkan ke arah mulutnya) kecuali yang hak*" (Abu Dawud Sulaiman, 2009). Namun, pendekatan Nabi Muhammad SAW kepada para sahabat yang mempunyai daya ingatan dan hafalan yang kuat adalah berbeza kerana Nabi Muhammad SAW menyuruh mereka menghafal dan melarang mereka untuk menulis apa yang diucapkan oleh baginda Muhammad SAW (a-Nawawiy, 2001). Hal ini menunjukkan kaedah hafalan dan penulisan mempunyai peranan tertentu dalam proses pendidikan. Guru juga seharusnya mencontohi Nabi Muhammad SAW dalam mengenalpasti kaedah mana yang lebih menepati keupayaan murid mereka supaya sesi pembelajaran yang berlangsung akan lebih efektif.

Amalan *talaqqi* ataupun kaedah berguru secara langsung ini telah diamalkan oleh para sahabat untuk mendapatkan ilmu. Ibnu Hajar al-Asqalani menyebutkan kisah Jabir bin Abdullah yang sanggup membeli seekor unta, menyiapkan bekal dan melakukan perjalanan selama sebulan ke negeri Syam bagi mendapatkan hadith daripada Abdullah bin Unais. Apabila bertemu, beliau berkata: 'Ada sebuah hadith yang beritanya sampai kepadaku bahawa engkau telah mendengarnya daripada Rasulullah SAW. Aku bimbang ajal datang menjemput sebelum mendengarnya'. Maka Abdullah bin Unais berkata: Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: "*Pada hari Kiamat nanti, Allah akan mengumpul manusia dalam keadaan tanpa pakaian...*". Lalu beliau pun menyebutkan hadith itu selengkapnya al-'Asqalaniyy, 2010).

Para ulama salaf mempraktikkan kaedah *talaqqi* dengan guru masing-masing untuk mempelajari ilmu. Az-Zuhri menjelaskan ketika ditanya dengan siapa Sa'id bin Musayyab mengambil ilmu. Katanya, 'Daripada Zaid bin Thabit. Beliau juga duduk di majlis Sa'ad bin Abi Waqqas, Ibnu Abbas dan Ibnu Umar. Beliau juga menemui isteri-isteri Nabi: Aisyah RA dan Ummu Salamah RA. Beliau mendengar daripada Usman bin Affan, Ali, Shuhaib dan Muhammad bin Maslamah (Syeikh Ahmad Farid, 2012). Imam Syafi'i juga menggunakan kaedah *talaqqi* dalam mempelajari ilmu fikah daripada Muslim bin Khalid az-Zanji dan para imam Makkah. Kemudian beliau pergi ke Madinah untuk belajar dengan Abu Abdillah Malik bin Anas. Beliau membaca al-Muwattha' di hadapan Imam Malik secara hafalan sehingga

bacaannya mengagumkannya, maka Imam Malik memintanya untuk menambah bacaan kerana kekagumannya (Syeikh Ahmad Farid, 2012).

KONSEP TALAQQI DAN PENGGUNAAN MEDIA BAHARU

Pendidikan bertujuan membina kefahaman, pengetahuan dan kesedaran berkenaan sesuatu perkara. Dalam Islam, perintah dan budaya membaca, perkongsian ilmu serta pengaplikasiannya telah diterapkan sejak pertama kali wahyu diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW melalui perantaraan Malaikat Jibril. Sebagai tambahan, baginda Nabi Muhammad SAW telah mengambil penting budaya berguru dalam sesi pembelajaran dengan memberi syarat kepada tawanan kafir Quraisy dalam Peperangan Badar yang ingin membebaskan diri supaya mengajarkan sepuluh orang Muslim di Madinah membaca dan menulis (Izuli & Abd Rahman, 2011).

Bertitik tolak daripada peristiwa ini, pendidikan ataupun lebih khusus, pembelajaran al-Quran dan pengajian agama Islam telah membudayakan konsep berguru ataupun *talaqqi* sebagai medium utama penerimaan ilmu. Pembelajaran al-Quran turut menerapkan pembinaan akhlak dan roh keagamaan melalui proses *tadabbur* iaitu berfikir tentang makna tersirat di sebalik ayat dan *tafahhum* iaitu memahami maksud serta pengaplikasian ayat dalam kehidupan. Proses ini diteruskan melalui kaedah *ta'lim* iaitu pengajaran kepada orang lain sehingga menjadi rantai pendidikan daripada satu generasi kepada generasi yang lain (Norhisham bin Muhamad, 2019).

Justeru, pembelajaran dalam Islam didasari oleh konsep *talaqqi*, satu pedagogi pendidikan tradisi yang melibatkan sesi guru dan murid dalam waktu yang sama, menelaah ilmu yang sama dalam ruangan yang sama. Guru akan menyampaikan pelajaran dengan membaca dan menerangkan sesuatu ilmu dan murid akan meneliti cara dan perlakuan guru tersebut sebelum mengikut jejak langkah beliau. Kebiasaannya, murid akan bersila di hadapan guru bersama kitab atau tanpa kitab dan guru akan mengawasi mereka secara langsung (Syuhaida Idha Abd Rahim, 2015).

Bagi memastikan keberkesanan pembelajaran dalam pengajian al-Quran, sesi pengajaran hendaklah disertai dengan sebutan yang diperakui oleh guru, pembedaan kesilapan secara terus dan pemahaman serta penghayatan kepada setiap sesuatu yang diterima. Hal ini seperti yang diterapkan melalui sesi *talaqqi* Rasulullah bersama Malaikat Jibril, dan juga disesuaikan seperti yang disebutkan dalam firman Allah yang bermaksud: *"Janganlah engkau (wahai Muhammad) menggerakkan lidahmu membacanya kerana hendak cepat menghafaz al-Quran yang diturunkan kepadamu, sesungguhnya Kamilah yang mengumpulkan al-Quran itu, dan menetapkan bacaannya. Oleh itu, apabila Kami telah menyempurnakan bacaannya, maka bacalah menurut bacaannya itu"* (al-Qur'an. al-Qiyamah: 16-18).

Malaikat Jibril yang ketika itu berperanan sebagai guru mengajarkan Rasulullah ayat daripada al-Quran dan meminta baginda mengulanginya. Sesi *talaqqi* antara Jibril dan Rasulullah ini berlangsung sekali dalam setahun, iaitu pada bulan Ramadan kecuali pada tahun kewafatan baginda, sesi itu berlangsung dua kali dalam setahun (Nurul Huda Binti Zainal Abidin, 2019). Jika diteliti, proses pembelajaran ini mencakupi beberapa objektif penting iaitu, penerimaan ilmu yang benar tanpa sebarang gangguan semasa sesi berlangsung, sesi soal jawab secara terus antara guru dan murid bagi menilai kesahihan ilmu yang diterima serta pemahaman yang betul bagi ilmu yang disampaikan. Dengan menilai objektif *talaqqi* ini, sesi pembelajaran dalam talian mampu melaksanakan kaedah ini sekiranya kedua-dua pihak, guru dan murid memahami objektif tersebut.

Namun, pembelajaran dalam talian boleh membawa kepada beberapa cabaran seperti kekangan murid untuk bertanya secara langsung dan kekurangan ruang interaksi yang kondusif bersama guru sehingga menjejaskan prestasi pembelajaran murid (Tharanya Arumugam, 2020 & Yu Chun Kuo, 2014). Dalam pengajian al-Quran contohnya, terdapat halangan yang jelas dalam menjalankan pembelajaran secara dalam talian kerana murid perlu melihat pergerakan mulut, cara sebutan yang sah dan pergerakan yang jelas

daripada guru, kerana melibatkan makhrāj sebutan huruf dan cara bacaan dengan bertajwid. Dalam pengajian Islam secara umum seperti amali solat, wuduk, tayammum, hafalan hadith dan lain-lain, pelajar perlu mengulang semula pelajaran dan mempraktikannya di hadapan guru bagi memastikan cara yang dilakukan itu bertepatan dengan apa yang dipelajari. (Nurul Huda Binti Zainal Abidin, 2019 & Nor Azaref Naim, 2014).

Walaupun bagaimanapun, situasi semasa yang menuntut sesi pembelajaran berlangsung dalam talian secara sepenuhnya telah memacu kemunculan aplikasi-aplikasi canggih yang lebih mesra pembelajaran seperti Blackboard, Edmodo, Google Classroom dan ClassDojo. Terdapat juga platform yang membantu sesi kelas secara maya antaranya Docebo, Udemy, Skillshare, WizIQ, Adobe Captivate Prime dan SAP Litmos. Berikutan peredaran zaman, majoriti pelajar telah menerima cara pembelajaran baharu ini dan beranggapan bahawa ia lebih praktikal berbanding kaedah bersemuka. Hal ini mendorong kepada pembinaan platform-platform baharu yang dicipta oleh golongan pendidik dalam bidang masing-masing bagi memastikan keberkesanan pembelajaran. Salah satunya, platform digital bagi pelajar ekonomi dan keusahawanan yang dibina oleh pensyarah UiTM cawangan Melaka yang mesra pelajar serta menerima pengiktirafan di peringkat nasional dan luar negara seperti Korea Selatan, Kanada dan Taiwan (Mohamad Idham Md Razak, 2020).

Berikutan kewujudan pelbagai platform dan medium pembelajaran sejak akhir-akhir ini, konsep *talaqqi* yang diaplikasikan sejak zaman berzaman dilihat mampu dipraktikkan secara dalam talian. Pengajar dalam bidang agama turut berperanan dalam memastikan penerimaan yang baik bagi setiap ilmu yang disampaikan selain memastikan kaedah tradisi dalam pembelajaran Pengajian Islam mampu dilaksanakan dan disesuaikan dengan keadaan semasa.

APLIKASI KONSEP TALAQQI DALAM PEMBELAJARAN SECARA DALAM TALIAN

Dalam pembelajaran al-Quran dan pendidikan Islam, konsep *talaqqi* merupakan kaedah terbaik dalam penyampaian kerana guru mampu menegur pelajar secara terus, serta pelajar menerima ilmu dan teguran guru secara langsung mengenai bacaan yang tepat dan hukum yang berkaitan (Rabeah Binti Ghazali, 2019). Antara jenis penyampaian yang boleh dilaksanakan dalam pembelajaran dalam talian melalui konsep *talaqqi* termasuklah:

Pertama: *al-Talqin*, iaitu kaedah terbaik yang digunapakai majoriti golongan salaf, daripada sahabat, tabiin, tabi tabiin dan seterusnya. Guru akan menyebut dan membaca kepada pelajar sebutan yang sahih secara satu persatu seperti yang digunapakai dalam pembelajaran kepada kanak-kanak. Kedua: *al-Ardh*, iaitu metode yang menuntut pelajar membaca di hadapan guru untuk tujuan kepastian mengenai cara bacaan dan kefahaman yang betul mengenai satu-satu pelajaran. Ketiga: *al-Sama'*. Dalam jenis penyampaian ini, hanya pengajaran satu hala daripada guru yang berlangsung. Para pelajar hanya menerima dan menyalin nota bagi bacaan guru tersebut. Kaedah ini jarang digunakan kerana penerimaan murid kepada pengajaran tersebut tidak dapat dipastikan. Kaedah ini kebanyakannya digunakan bagi guru dan murid yang mempunyai kefasihan sebutan dan asas pengetahuan yang baik terhadap pelajaran yang ingin disampaikan (Nurul Huda Binti Zainal Abidin, 2019; Izuli & Abd Rahman, 2011).

Keempat: *Riwayat al-Huruf*. Kaedah ini digunapakai khusus dalam pembelajaran al-Quran. Seorang pelajar mengambil sesuatu bacaan melalui periwayatan sahaja, bukan secara berhadapan dengan guru yang meriwayatkannya. Walaupun kaedah ini jarang digunapakai, namun ia dibolehkan dan kebanyakannya berlangsung dalam sesi *talaqqi* bagi sesebuah kitab yang mewakili cara dan wajah bacaan seseorang imam. Kelima: *Ijazah*. Metode ini melibatkan proses di mana seorang guru memberikan ijazah kepada muridnya berdasarkan syarat: Guru membacakan kepada pelajar yang diyakini kebolehan dan keupayaannya dalam membaca dan memahami dengan baik serta guru menguji bacaan pelajar dan mengiktiraf kebolehan dan pemahamannya sebelum mengijazhkannya dengan

riwayat tersebut (Nurul Huda Zainal Abidin, 2019; Izuli & Abd Rahman, 2011; Ahmad Faris al-Salum, 2016).


Sebagai tambahan, dalam konsep *talaqqi* dan *mushafahah* yang khusus dalam penerimaan sanad al-Quran, kaedah *al-Talqin* dan *al-Ardh* merupakan dua kaedah yang diperakui kerana berlaku perhubungan dua hala dan secara langsung (Mohamad Redha Mohamad, 2020). Terdapat kaedah-kaedah lain yang diperakui oleh ulama dalam konsep *talaqqi* secara umum antaranya *al-Sama'*, *riwayat al-Huruf* dan *ijazah*.

Dalam pembelajaran hadith pula, Ibnu Solah dalam kitabnya 'Ulum al-hadith' telah menjelaskan beberapa metode (*turuq*) pengajaran dan penyampaian hadith. Antara metode utama dalam pengajaran hadith adalah *al-sama'*, iaitu merujuk kepada guru yang membacakan dan menyampaikan hadith sama ada berdasarkan hafalan atau catatannya. Manakala pelajar, mendengar atau mencatatkan apa yang disampaikan oleh guru (Ibnu Solah, 1986).

Seterusnya, metode *qira'ah 'ala shaykh* menuntut pelajar untuk membaca dan membentangkan hadith di hadapan syeikh sama ada dengan kehadiran pelajar lain ataupun tidak. Hadith yang dibacakan sama ada berdasarkan hafalan pelajar atau catatan mereka (Ibnu Solah, 1986). Metode *ijazah* pula merujuk kepada kebenaran syeikh kepada pelajar untuk meriwayatkan hadith daripadanya sama ada dalam bentuk ucapan atau catatan (Abu Zaki Ismail et al., 2019). Manakala metode *al-mukatabah* adalah catatan hadith riwayat syeikh yang ditulis oleh syeikh sendiri atau pelajarnya untuk diberikan kepada mereka yang menghadiri majlisnya atau yang jauh sama ada dengan atau tanpa ijazah (Abu Zaki Ismail et al., 2019).

Selain metode penyampaian sanad bacaan al-Quran dan periwayatan hadith seperti yang dibincangkan, terdapat metode lain bagi konsep *talaqqi* dalam pendidikan Islam secara umum, antaranya *al-Tajribah* iaitu proses eksperimen atau percubaan yang berkait rapat dengan pengalaman dan penyaksian melalui pancaindera. Metode ini boleh dibahagikan kepada dua: *tajribah* luaran melalui proses empirikal (*al-Idrak al-Hissi*) yang boleh diuji secara eksperimen dan *tajribah* dalaman melibatkan proses mendapatkan ilmu melalui sumber intuisi (*al-Shu'ur*). Metode lain pula adalah proses pengulangan yang dikenali sebagai *al-Tikrar* dalam pembelajaran. Nabi Muhammad SAW menyatakan bahawa jika seorang yang menghafal al-Quran akan sentiasa ingat akan hafalannya jika dia sentiasa membacanya dan mengulang bacaanya ketika solat sama ada di siang atau malam hari (Muslim, 2001).

Setelah diteliti, terdapat beberapa metode yang bersamaan konsep pelaksanaannya antara penyampaian al-Quran dan al-hadith iaitu *al-Sama'*. Metode *qira'ah 'ala shaykh* dalam penyampaian hadith adalah bersamaan dengan metode *al-Ardh* dalam penyampaian al-Quran. Manakala, metode *ijazah* dalam penyampaian al-Quran dan hadith adalah sesuatu yang agak tinggi untuk dilaksanakan secara dalam talian kerana melibatkan perakuan guru mengenai kebolehpupayaan murid bagi sesuatu ilmu secara khusus. Begitu juga metode *Riwayat al-Huruf* yang hanya mengkhususkan kepada periwayatan sanad al-Quran. Metode yang lebih sesuai dalam konteks *talaqqi* secara maya adalah *al-Tajribah* dan *al-Tikrar*. Perancangan yang dapat diteliti bagi memenuhi objektif pembelajaran secara dalam talian khususnya dalam bidang pengajian Islam seperti dalam rajah berikut:

Rajah 1: Aplikasi kaedah penyampaian *Talaqqi* dalam pembelajaran dalam talian

Berpandukan kepada rajah berikut, dapat disimpulkan bahawa jenis-jenis penyampaian dalam *talaqqi* ini melibatkan dua pihak iaitu guru dan murid, sama ada melalui interaksi satu hala ataupun dua hala. Kesemua jenis penyampaian ini dapat memastikan intisari pendidikan al-Quran ataupun pengajian Islam seperti fikah, akidah, akhlak, sirah dan lain-lain dapat dicapai. Konsep ini jika dilihat mampu diadaptasi dengan menggunakan platform digital yang telah melalui pelbagai fasa pembaharuan, demi mencapai matlamat pembelajaran tanpa halangan.

Bagi menjayakan kaedah *al-Talqin*, guru boleh menggunakan kemudahan teknologi seperti membuat rakaman video, meminta pelajar menghantarkan rakaman suara dengan jelas supaya dapat diperbetulkan. Dalam memastikan kelancaran sesi, guru boleh menggunakan video langsung untuk memastikan bacaan dan memperbetulkan sekiranya terdapat kesalahan. Cara ini banyak digunakan oleh guru-guru al-Quran yang mendengar bacaan murid mereka secara langsung di sekolah-sekolah tahfiz seluruh Malaysia.

Pengerusi Persatuan Institusi Tahfiz Selangor (PITAS) menyatakan bahawa terdapat 215 buah tahfiz daripada jumlah 411 buah keseluruhan sekolah telah menjalankan kelas al-Quran dan pembelajaran agama dalam talian hanya dalam tempoh satu bulan dari permulaan pelaksanaan PKP sejak 18 Mac 2020. Penyertaan pelajar dalam kelas online tersebut juga tinggi, iaitu 60 peratus daripada keseluruhan pelajar. Pengerusi Persatuan Institusi Tahfiz Selangor (PITAS) menyatakan bahawa terdapat 215 buah tahfiz telah menjalankan kelas agama, dengan kehadiran 60 peratus daripada keseluruhan pelajar melalui pembelajaran agama dalam talian sejak permulaan pelaksanaan PKP sejak 18 Mac 2020. Ini menunjukkan kelangsungan pembelajaran dalam talian adalah keperluan bagi pelajar di sekolah tahfiz kerana pembelajaran berkaitan hafalan khususnya tidak boleh ditinggalkan dalam tempoh waktu yang lama (The Sun Daily, 21 April 2020). Angka-angka ini sudah tentu lebih banyak setelah hampir setahun pelaksanaan PKP di negara ini.

Kaedah *al-Ardh* juga merupakan satu medium yang mudah dalam pembelajaran al-Quran dan pengajian Islam dengan menggunakan perantaraan. Dengan kemudahan canggih seperti perkongsian video dan audio yang jelas, kaedah ini mampu menjadi lebih praktikal kerana pelajar boleh merakam suara secara berperingkat, mengulang semula bacaan dan memperdengarkannya semula setelah diperbetulkan oleh guru. Kaedah ini telah digunakan oleh Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) Kelantan yang memperdengarkan bacaan

masing-masing secara dalam talian serta diperbetulkan oleh tiga hafiz (penghafaz al-Quran) yang mempunyai pengetahuan luas dalam bidang al-Quran (Hazira Ahmad Zaidi, 2020).

Cara penyampaian *al-Sama'* pula menuntut guru untuk lebih kreatif dalam penyampaian supaya sesi pembelajaran menjadi lebih menarik, mesra pelajar dan memberi kesan dalam kehidupan mereka. Guru boleh menggunakan platform popular yang familiar dalam kalangan pelajar seperti *Youtube, Facebook Live, Tiktok* dan lain-lain. Akhir-akhir ini, terdapat banyak perisian multimedia berasaskan pembelajaran tajwid, laman web yang menerangkan hukum-hukum berkaitan juga pembelajaran mudah alih yang boleh didapati seperti pen digital, al-Quran bercetak yang boleh dibaca bersama pen digital tersebut dan juga peranti elektronik pintar yang lain (Noor Azaref Naim, 2014).

Adaptasi kaedah *al-Mukatabah* dalam pembelajaran dalam talian boleh melalui perkongsian nota, slides pelajaran, audio dan video berkaitan praktikal sesuatu ibadah ataupun cara bacaan al-Quran. Terdapat banyak aplikasi yang menyokong kaedah ini seperti *Microsoft Teams, Webex, Facebook Live, Google Classroom, Google Meet, Zoom* dan *Skype*. Perkongsian nota pula boleh melalui *Microsoft PowerPoint, Microsoft PowerPoint Recording, YouTube, Powtoon, Prezi, WeVideo, SoundCloud, Google Slides, Slideshare, Google Drive, Dropbox, Screencast-O-Matic, VideoScribe* dan pelbagai aplikasi lain yang semakin hari semakin mesra guru dan pelajar (Mohd Hafiz Abu Hassan, 2020).

Metode *al-Tajribah* pula melibatkan pelajar dengan lebih banyak dalam sesi pembelajaran. Proses ini dapat dicapai melalui proses pemerhatian (*mulāhazah*) yang teliti terhadap fenomena (*zahirah*) yang berlaku (Azmul Fahimi, 2010). Melalui *al-tajribah*, para pelajar akan memperolehi manfaat pengetahuan yang lebih berkesan kerana mereka berinteraksi secara langsung dengan perkara-perkara yang ingin mereka ketahui (Ibnu Khaldun, 2011). Para pendidik boleh memanfaatkan kaedah *al-tajribah* ini melalui tugas-tugas yang berorientasikan kajian kes dan penyelesaian masalah agar pelajar sentiasa terdedah dengan realiti semasa dan menyedari bahawa pengalaman juga adalah ilmu yang bermanfaat kepada mereka. Keberkesanan konsep *talaqqi* dalam pembelajaran dalam talian boleh disempurnakan mengikut intipati kaedah ini. Guru boleh menguji tahap penerimaan pelajar mereka melalui ujian ataupun pentaksiran dalam talian, sesi soal jawab atau kuiz secara langsung serta diskusi yang menonjolkan kefahaman pelajar. Bagi mencapai objektif perakuan penerimaan pelajar ini, pelbagai medium pentaksiran dalam talian yang boleh digunapakai seperti *Socrative, GoFormative, Kahoot, Quizziz, Quizlet, Gimkit, Poll Everywhere* dan *EdPuzzle*. Platform ini menyediakan konsep peperiksaan ataupun pentaksiran dalam talian (Mohd Hafiz Abu Hassan, 2020).

Pengulangan pelajaran ataupun silabus melalui metode *al-Tikrar* adalah sesuatu yang mampu dilakukan secara konsisten dalam talian. Guru boleh melakukan ulangkaji secara ringkas di penghujung tajuk atau sesi pengajian. Pelbagai platform boleh digunakan seperti *Kahoot, Google Meet, Zoom* atau *Webex* untuk ulangkaji secara langsung atau secara tidak langsung melalui kuiz, sesi soal jawab dan diskusi soalan peperiksaan lepas. Metode pengulangan ini akan mengukuhkan kefahaman pelajar dan meningkatkan keyakinan mereka. Metode ini dinilai sangat penting kerana tahap kefahaman serta daya ingatan pelajar adalah berbeza antara satu sama lain. Sarjana menyarankan agar guru melakukan pengulangan atau ulangkaji sehingga tiga kali untuk memastikan sebarang ketidakjelasan atau kesamaran intipati pengajaran dapat ditangani dengan berkesan (Ibnu Khaldun, 2011).

Meskipun kaedah *talaqqi* ini tidak dapat dijayakan dengan pelaksanaan asalnya semasa pandemik, iaitu dengan bersemuka dan secara langsung, cara penyampaian dan objektif bagi kaedah ini boleh digunapakai dan diubahsuai mengikut keadaan semasa. Para pendidik tidak dapat menafikan bahawa anjakan dalam kaedah pembelajaran pengajian Islam perlu dilaksanakan agar dapat menjadi model pendidikan yang bersesuaian dengan peredaran zaman, dengan mengambil kira teknik dan pendekatan terkini yang menggunakan kemudahan ICT sebagai perantaraan (Noor Azaref Naim, 2014). Walaubagaimanapun, perubahan pendekatan dalam sesi *talaqqi* ini masih mengekalkan intipati yang sama, iaitu memerlukan kerjasama dua hala, kesediaan dan kerjasama murid

dalam menerima ilmu serta keupayaan dan kemahiran guru dalam menyampaikan pelajaran. Sesi ini digalakkan untuk berlangsung dalam kelompok yang kecil supaya pengawasan dapat dijalankan dengan baik (Rabeah Binti Ghazali, 2019).

Guru ataupun pendidik dalam pengajian Islam perlu lebih kreatif, inovatif dan proaktif dalam menggunakan kemudahan yang ada, khususnya infrastruktur yang disediakan oleh KPM bagi memastikan pelaksanaan sesi pembelajaran dalam talian masih memenuhi objektifnya serta dapat melahirkan generasi yang cemerlang bukan sahaja dari aspek pembacaan dan teori, malah pengamalan dan pembudayaan (Ab. Halim Tamuri, 2013). Murid juga perlu lebih bersedia menerima pembelajaran menggunakan pendekatan baharu tetapi masih mengambilkira objektif asal bagi pelaksanaan kaedah *talaqqi*, antaranya sentiasa berusaha memperbaiki mutu bacaan, menilai keupayaan diri dan berdaya maju, memastikan ketepatan ilmu yang diterima, bersaing secara sihat dengan rakan-rakan dalam kumpulan yang kecil bagi menambahkan pengetahuan dan kemahiran serta menghayati kaedah ini sebagai sunnah Rasulullah SAW dalam menerima ilmu (Izuli & Abd Rahman, 2011).

KESIMPULAN

Konklusinya, sejak penularan pandemik COVID-19, sektor pendidikan telah mengalami transformasi drastik sehingga mengakibatkan pendekatan tradisional sudah tidak dapat dilaksanakan seperti sebelumnya. Kaedah *talaqqi* sebagai asas pembelajaran dalam Islam juga perlu menghadapi fasa perubahan dan penyesuaian agar dapat menjadi model pembelajaran, khususnya dalam bidang al-Quran. Intipati dan objektif kaedah ini masih dikekalkan walaupun terdapat beberapa pendekatan yang berubah seiring perubahan zaman yang menjadikan teknologi sebagai perantaraan. Antara intipatinya ialah kemahiran dan keupayaan guru dalam menyampaikan ilmu, kesediaan murid dan komunikasi dua hala antara keduanya. Penyesuaian kaedah *talaqqi* ini adalah demi menjaga kelangsungan dan keberkesanan metode pendidikan yang diperkenalkan oleh Islam. Jika guru dan pelajar mampu menghayati objektif kaedah *talaqqi* ini, pembelajaran dalam Islam dapat dilaksanakan dengan sempurna dan efektif.

PENGHARGAAN

Kajian ini adalah dapatan bersumberkan Geran Bestari di bawah tajaan Universiti Teknologi MARA Johor: 600-UiTMCJ (PJIA. 5/2).

RUJUKAN

Buku

- Abu Dawud, Sulayman. 2009. *Sunan Abi Dawud*. Bayrut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- al-'Asqalaniyy, A. bin Ali bin H. 2010. *Fathul Bari Syarah Shahih al-Bukhari*. N.C: Pustaka Imam Asy-Syafi'i.
- al-'Asqalaniyy, Ibn Hajar. 2000. *Fath al-Bari Bi Syarh Sahih al-Bukhari*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Khaldun. 2011. *Muqaddimah Ibn Khaldun*. Indonesia: Pustaka al-Kautsar.
- Ibn al-Şalah. 1986. *'Ulum al-Hadith*. Damshiq: Dar al-Fikr.
- Malik, Anas. 1997. *al-Muwatta'*. Bayrut: Dar al-Gharb al-Islamiyy.
- al-Nawawiyy, Abu Zakaria. 2001. *Sahih Muslim Bi Sharh 'an-Nawawi*. Qaherah: Dar al-Hadith.
- Syeikh Ahmad Farid. 2012. *Biografi 60 Ulama Ahlus Sunnah*. N.C: Darul Haq.

Jurnal

- Ab. Halim Tamuri, Ahmad Munawar Ismail, Amal Hayati Md. Noor, Mohd Izzuddin Mohd Pisol. 2013. *Penilaian Guru terhadap Pelaksanaan Model-Model Tilawah al-Quran Program j-QAF*. International Journal of Islamic Thought. 3(1): 1-17.

- Abu Zaki Ismail, Mohamad Fuad Ishak, Mohd Khafidz Soroni, Mohd Farid Ravi Abdullah & Syed Abdul Majid Ghouri. 2019. *Metode pengajian hadith klasik dan kerangka sistem pendidikan moden: Tinjauan di Maahad-Maahad Tahfiz Selangor*. Journal Hadith. 9(18): 213-223.
- Ashraf Ismail, Ab. Halim Tamuri & Nurul Huda Hassan. 2019. *Pelaksanaan Amalan Talaqqi dan Mushafahah dalam Kalangan Pensyarah Tahfiz Al-Quran di Malaysia*. Islamiyyat: Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam; International Journal of Islamic Studies. 41(1): 93-98.
- Azmul Fahimi Kamaruzaman. 2010. *Genesis Tajribah Miskawayh dalam Tajarib al-Umam*. Jurnal Islamiyyat. 32: 25-39.
- E.C Boling, M. Hough, H. Krinsky, H. Saleem & M. Stevens. 2012. *Cutting the distance in distance education: Perspective on what promotes positive, online learning experiences*. Journal of Internet and Higher Education. 15(2): 118-126.
- Evrin Baran, Ana Paula Correia & Ann Thompson. 2011. *Transforming online teaching practice: Critical analysis of the literature on the roles and competencies of online teachers*. Distance Education. 32(3): 421-439.
- J. Broadbent & W.L. Poon. 2015. *Self-regulated learning strategies & academic achievement in online higher education learning environments: A systematic review*. Internet and Higher Education Journal. 27: 1-13.
- J.W Gikandi, D. Morrow & N.E Davis. 2011. *Online formative assessment in higher education: A review of the literature*. Journal of Computers and Education, 57: 2333-2351.
- Jared Keengwe & Terry T. Kidd. 2010. *Towards best practices in online learning and teaching in higher education*. Journal of Online Learning and Teaching, 6(2): 533-541.
- Jered Borup, Richard E. West & Charles R. Graham. 2012. *Improving online social presence through asynchronous video*. Internet and Higher Education, 15: 195-203.
- Jyoti Bawane & J. Michael Spector. 2009. *Prioritization of online instructor roles: Implications for competency-based teacher education programs*. Distance Education, 30(3): 383-397.
- M. Samir Abou El-Seoud, Islam A.T.F Taj-Eddin, Naglaa Seddiek, Mahmoud M. El-Khouly & Ann Noseir. 2014. *E-Learning and students' motivation: A research study on the effect of E-learning on higher education*. International Journal in Emerging Technologies in Learning, 9(4): 20-26.
- Mohamad Redha Mohamad, Farhah Zaidar Ramli, Norazman Alias. 2020. *Aplikasi al-Tahammul wa al-Adā' dalam kalangan Qurra' dan kepentingannya*. Jurnal al-Irsyad, 5(2): 425-433.
- Norhisham Muhamad, Azmil Hashim, Wahyu Abdullah, Muhammad Akramin Kamarul Zaman, Fatin Ardani Zamri. 2019. *Kaedah Talaqqi Musyafahah dalam Pengajaran al-Quran wa al-Hifz Kurikulum Dini SABK di Perak*. International Journal of Education, Psychology and Counseling (IJEPC), 32(4): 273-283.
- Nurul Huda Zainal Abidin, Najmiah Omar, Nor Hafizi Yusof. 2019. *Konsep Dan Pelaksanaan Kaedah Talaqqi Dan Musyafahah Dalam Pembelajaran Al-Quran*. Malaysian Journal for Islamic Studies, 3(1): 27-35.
- Rabeah Ghazali, Sabri Mohamad. 2019. *Amalan Talaqqi dan Mushafahah dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam SJKC*. Jurnal At-Tahkim, 9(1): 1-6.
- Saifullah Idris, Tabrani. 2017. *Realitas Konsep Pendidikan Humanisme Dalam Konteks Pendidikan Islam*. Jurnal Edukasi: Jurnal Bimbingan Konseling, 3(1): 96-113.
- Wei Bao. 2020. *COVID-19 and online teaching in higher education: a case study of Peking University*. Human Behavior and Emerging Technologies, 2(2): 113-115.
- Yu Chun Kuo, Andrew Walkerm Kerstin Schroder, Brian Belland. 2014. *Interaction, Internet self-efficacy, and self-regulated learning as predictors of student satisfaction in online education courses*. The Internet and Higher Education Journal, 20(1):35-50.

Seminar & Prosiding

- Izuli Dzulkifli, Abdul Rahman Abd Ghani. 2011. *Keperluan Bertalaqqi Dan Bermusyafahah Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Ilmu Al-Qur'an: Satu Tuntutan*. Dlm: Seminar Qiraat Peringkat Kebangsaan, UIAM. 19-20 November 2011. UIAM Gombak, 1-15.
- Muhd Khaizer Omar, Aida Suraya Md Yunus, Ismi Arif Ismail, Nurfadhlina Mohd Sharef, & Masrah Azrifah Azmi Murad. 2019. *What Constitutes Effective Learning? An Introduction to Talaqqi Framework*. 5th International Conference on Educational Research and Practice. October 14–21.
- Noor Azaref Naim, Jamalludin Harun. 2014. *Teknik pembelajaran tilawah al-qur'an di era ICT*. 1st International Education Postgraduate Seminar. 23-24 November 2014. KSL Resort Johor Bahru, 1-14.
- Syuhaida Idha Abd Rahim, Mohd Asmadi Yakob, Abd Shukor Mohd Ali. 2015. *Pedagogi talaqqi dalam pendidikan Islam di pondok*. E-Proceeding of the 3rd Global Summit on Education GSE 2015. 9-10 March 2015. Kuala Lumpur Malaysia, 771-776.

Internet

- Hairol Kamal Ab. Rahman. 2017. Masalah Kesihatan Ketagihan Gadget. Portal MyHealth Kementerian Kesihatan Malaysia. 26 Jun 2020. Diakses pada 20 Januari 2021.
- Harits Asyraf Hasnan. Astro Awani. 2020. Masalah Internet, Infrastruktur P&P Di Rumah Jadi Keluhan Rakyat Malaysia – Kajian. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/masalah-internet-infrastruktur-pp-di-rumah-jadi-keluhan-rakyat-malaysia-kajian-237984> (diakses pada 21 Januari 2021).
- Hayati Ibrahim & Amir Abd Hamid. Harian Metro. 2020. Kelas Online: 36.9 Peratus Murid Tak Ada Peranti. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/07/602634/kelas-online-369-peratus-murid-tak-ada-peranti> (diakses pada 21 Januari 2021).
- Hazira Ahmad Zaidi. Berita Harian. 2020. Saudara Baharu Tadarus al-Quran dalam Talian. <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/04/682094/saudara-baharu-tadarus-al-quran-dalam-talian> (diakses pada 20 Januari 2021).
- MCMC. 2020. Internet Users Survey 2020. In Malaysian Communications and Multimedia Commission. [https://www.mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/General/pdf/Internet-Users-Survey-2018-\(Infographic\).pdf](https://www.mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/General/pdf/Internet-Users-Survey-2018-(Infographic).pdf) (diakses pada 19 Januari 2021).
- Mohamad Idham Md Razak. Astro Awani. 2020. COVID-19: Pembelajaran atas talian suatu keperluan ke arah menuju Malaysia maju. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid19-pembelajaran-atas-talian-suatu-keperluan-ke-arah-menuju-malaysia-maju-237496> (diakses pada 20 Januari 2021).
- Mohd Hafiz Abu Hassan. BERNAMA. 2020. Penggunaan Aplikasi Dalam Talian Norma Baharu Pendidikan Tinggi. <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1872371> (diakses pada 20 Januari 2021).
- Tharanya Arumugam. 2020. Covid19, MCO force education sector to grapple with technology, virtual classrooms. New Straits Times. <https://www.nst.com.my/news/nation/2020/04/586033/covid19-mco-force-education-sector-grapple-technology-virtual-classrooms> (diakses pada 20 April 2020).
- The Sun Daily. 2020. MCO: Tahfiz schools go online. <https://www.thesundaily.my/local/mco-tahfiz-schools-go-online-GL2296338> (diakses pada 20 Januari 2021).

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.